



كِتَابُ التَّيَمُّمِ وَقَوْلُ اللَّهِ تَعَالَى

فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ

KitabTayammum

³⁰¹ Dan Firman Allah Ta'ala: "...lalu kamu tidak memperoleh air, maka bertayammumlah dengan muka bumi (tanah atau lain-lain) yang bersih; sapulah mukamu dan tanganmu dengannya..."³⁰² (Al-Maa'idah:6)

³⁰¹ Sebelum ini Imam Bukhari r.a. telah mengemukakan Kitab Wudhu' dan Kitab Mandi janabah atau mandi wajib. Sedia dima'lumi bahawa hadats kecil dihilangkan dengan wudhu', hadats besar pula dihilangkan dengan mandi janabah. Air yang bersih digunakan dalam berwudhu' dan mandi janabah kerana ia adalah suatu bahan pencuci yang asal. Justeru air diterima oleh semua manusia sebagai bahan yang boleh menyucikan dan membersihkan apa-apa yang mereka anggap kotor. Sekarang Imam Bukhari r.a. mahu mengemukakan pula suatu bahan yang dapat menggantikan air untuk bersuci dalam keadaan ketiadaan air atau dalam keadaan seseorang tidak dapat menggunakannya. Bahan pengganti air itu ialah tanah atau muka bumi yang bersih. Penggunaan tanah atau muka bumi yang bersih sebagai ganti air untuk mengangkat hadats itulah yang dipanggil tayammum menurut istilah syara'. Oleh kerana tayammum merupakan pengganti wudhu' dan mandi wajib, maka Imam Bukhari r.a. mengemudikan perbincangan tentangnya daripada perbincangan tentang wudhu' dan mandi wajib itu sendiri. Demikianlah perkaitan kitab tayammum ini dengan kitab wudhu' dan kitab mandi sebelumnya.

³⁰² Ayat ini bersama terjemahan selengkapnya adalah seperti berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوْهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوْهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadass kecil), maka (berwudhu'lah, iaitu) basuhlah mukamu dan kedua belah tanganmu hingga ke siku, dan sapulah kepalamu, dan (basuhlah) kedua belah kakimu hingga ke buku lali, dan jika kamu berjunub (berhadass besar) maka bersucilah betul-betul (dengan mandi wajib); dan jika kamu sakit (dan tidak boleh menggunakan air) atau dalam perjalanan atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersetubuh dengan perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwudhu' dan mandi), maka bertayammumlah dengan muka bumi yang bersih, iaitu sapulah mukamu dan kedua belah tanganmu dengannya. Allah tidak mahu menyusahkan kamu sedikit pun, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan ni'matNya kepadamu, supaya kamu bersyukur. (al-Maa'idah:6)

Dengan mengemukakan ayat 6 dari surah al-Maa'idah di permulaan Kitab Tayammum ini Imam Bukhari r.a. bermaksud menyatakan tiga perkara. Pertama: Sebagai isyarat kepada permulaan, punca dan asas bagi hukum tayammum. Kedua: Untuk menjelaskan tentang ayat tayammum yang muhtham (tidak disebutkan secara terang) di dalam hadits 'Aaisyah r.a. di bawah bab ini iaitu hadits no:322. Ini kerana di dalam al-Qur'an ada dua ayat yang membicarakan tentang tayammum dan kedua-duanya dikenali dengan ayat tayammum. Yang pertamanya ialah di dalam surah al-Maa'idah:6, dan yang keduanya ialah di dalam surah an-Nisaa':43. Ayat keenam surah al-Maa'idah juga dikenali dengan ayat al-wudhu' kerana di dalamnya terkandung juga hukum wudhu'. Ketiga: Hadits-hadits sahih yang dapat dijadikan sebagai pentafsir kepada bahagian yang berkaitan dengan tayammum yang tersebut di dalam

٣٢٢- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْقَاسِمِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَعْضِ أَسْفَارِهِ حَتَّى إِذَا كُنَّا بِالْبَيْدَاءِ أَوْ بَدَاتِ الْجَيْشِ انْقَطَعَ عَقْدُ لِي فَأَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْبِمَاسِيهِ وَأَقَامَ النَّاسُ مَعَهُ وَلَيَسُوا عَلَى مَاءٍ فَأَتَى النَّاسُ إِلَى أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ فَقَالُوا أَلَا تَرَى مَا صَنَعَتْ عَائِشَةُ أَقَامَتْ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالنَّاسُ وَلَيَسُوا عَلَى مَاءٍ وَلَيْسَ مَعَهُمْ مَاءٌ فَجَاءَ أَبُو بَكْرٍ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاضِعَ رَأْسَهُ عَلَى فَخِذِي قَدْ تَامَ فَقَالَ حَبَسَتْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالنَّاسُ وَلَيَسُوا عَلَى مَاءٍ وَلَيْسَ مَعَهُمْ مَاءٌ فَقَالَتْ عَائِشَةُ فَعَايَنِي أَبُو بَكْرٍ وَقَالَ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَقُولَ وَجَعَلَ يَطْعُنِي بِيَدِهِ فِي خَاصِرَتِي فَلَا يَمْتَنِعُنِي مِنَ الْحَرِّ إِلَّا مَكَانُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى فَخِذِي فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ أَصْبَحَ عَلَى غَيْرِ مَاءٍ فَأَنْزَلَ اللَّهُ آيَةَ الْيَمِّ فَيَتِمُّوا فَقَالَ أَسِيدُ بْنُ الْحَضِيرِ مَا هِيَ بِأَوَّلِ بَرَكَكُمْ يَا آلَ أَبِي بَكْرٍ قَالَتْ فَبَعَثْنَا الْبَعِيرَ الَّذِي كُنْتُ عَلَيْهِ فَأَصْبَحْنَا الْعَقْدَ نَحْنُ

322 - 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Abdir Rahman bin al-Qasim daripada bapanya daripada 'Aaisyah isteri Nabi s.a.w. Beliau meriwayatkan, katanya: "Kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. dalam salah satu perjalanan Baginda.³⁰³ Apabila kami telah berada di al- Baida' atau pun Dzatul Jaisy,³⁰⁴ kalungku terputus dan hilang. Maka Rasulullah s.a.w. berhenti untuk mencarinya. Orang-orang lain juga berhenti bersama beliau s.a.w. Mereka berhenti di tempat yang tiada air. Sahabat-sahabat pun pergi bertemu dengan Abu Bakar. Kata mereka: "Nah! lihat apa yang telah dilakukan oleh 'Aaisyah?

ayat al-Maa'idah dan ayat an-Nisaa' itu, iaitu: فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَسَيَّمُوا صَعِيدًا طَبِيبًا فَأَمَسُوا لِيَدَيْهِمْ وَأُتِيَهُمْ بِنُحْلٍ مِنْ بَنِي إِسْرَءِيلَ. Perbezaan bahagian ini pada dua ayat tayammum di dalam ayat al-Maa'idah dan ayat an-Nisaa' terletak hanya pada ada atau tiadanya sebutan perkataan منه di hujungnya. Di dalam surah an-Nisaa':43 tidak ada, dan di dalam surah al-Maa'idah:6 pula ada.

³⁰³ Perjalanan Baginda s.a.w. yang dimaksudkan di sini ialah perjalanan beliau untuk memerangi Bani al-Mushthaliq. Ia dikenali dengan Ghazwah Bani al-Mushthaliq. Mengikut Bukhari r.a., tokoh-tokoh hadits yang lain dan juga ahli sirah, ghazwah ini dipanggil juga dengan Ghazwah Muraisii'. Di dalam tajuk bab 'Ghazwah Bani Al-Mushthaliq' di bawah Kitab al-Maghaazi di dalam Kitab Sahihnya ini, Imam Bukhari r.a. mengemukakan pendapat Ibnu Ishaq dan Musa bin 'Uqbah tentang tarikh berlakunya ghazwah ini di samping apa yang berlaku padanya. Menurut Ibnu Ishaq ia berlaku pada tahun keenam hijrah. Musa bin 'Uqbah pula mengatakan ia berlaku pada tahun keempat hijrah. Kata Bukhari r.a., Nu'man bin Rashid meriwayatkan daripada Zuhri bahawa di dalam Ghazwah Muraisii' atau Ghazwah Bani Al-Mushthaliq inilah berlaku Hadits al-Ifk (peristiwa di mana berlakunya fitnah besar atau tuduhan yang dahsyat terhadap 'Aaisyah r.a.).

³⁰⁴ Al-Baidaa' ialah Zul Hulaifah yang terletak tidak jauh dari Madinah di jalan menuju ke Mekah. Dzatul Jaisy terletak sejauh satu barid (dua belas batu) dari Madinah. Jarak di antaranya dengan al-'Aqiq pula ialah tujuh batu. Kesemua tempat itu terletak di jalan Madinah ke Mekah. Demikian kata Ibnu at-Tin.

Dia telah membuatkan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang lain berhenti di tempat yang tiada air dan mereka pula tidak mempunyai (bekalan) air.”

Abu Bakar terus datang (kepadaku). Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang tidur dengan meletakkan kepalanya di atas pahaku. Kata Abu Bakar: “Engkau telah membuatkan Rasulullah tertahan di sini (dari meneruskan perjalanan) dengan orang-orang lain. Mereka berhenti di tempat yang tidak ada air. Mereka juga tidak mempunyai (bekalan) air.” Kata `Aaisyah: “Abu Bakar mengataiku, macam-macamlah rungutannya kepadaku. Dia juga telah menyucuk pinggangku dengan tangannya. Yang menghalangku daripada bergerak tidak lain hanyalah kedudukan (kepala) Rasulullah s.a.w. di atas pahaku. Pada pagi keesokan harinya Rasulullah s.a.w. bangun (dari tidur) dalam keadaan ketiadaan air. Maka Allah s.w.t. menurunkan ayat tayammum. Mereka pun bertayammumlah. Pada ketika itu Usaid bin Hudhair berkata: “Ini bukannya keberkatan kamu yang pertama wahai keluarga Abu Bakar.”

`Aaisyah berkata: “Akhirnya kami membangkitkan unta kenaikanku. Rupa-rupanya kalung yang hilang itu kami dapati berada di bawahnya.”³⁰⁵

³⁰⁵ Banyak sekali panduan dan pengajaran yang dapat diambil dari hadits ini. Antaranya ialah (1) Harus berhenti di tempat yang tidak ada air kerana sesuatu keperluan. Demikian juga harus melalui jalan yang tidak ada air jika perlu. (2) Pengaduan tentang seseorang perempuan boleh diajukan kepada bapanya, walaupun ia sudah bersuami. (3) Seseorang boleh dikatakan telah melakukan sesuatu perbuatan jika dia yang menjadi penyebabnya. (4) Seseorang bapa boleh masuk menemui anak perempuannya, walaupun dia sedang berdua-duaan dengan suaminya. Dengan syarat si bapa itu yakin dengan kerelaan dan perkenanan menantunya, di samping anak menantu itu pula bukan dalam keadaan sedang berpujuk cumbu atau melakukan hubungan kelamin. (5) Seseorang (ayah atau ibu atau lain-lain) tetap boleh mendisiplinkan anak buahnya walaupun ia telah besar dan berumah tangga. (6) Kita dikehendaki menahan diri daripada melakukan sesuatu pergerakan dan lain-lain yang boleh mengejutkan orang yang sedang tidur atau mengganggu orang yang sedang bersembahyang, berzikir, mengaji, mengajar, membaca al-Qur'an dan seterusnya. (7) Hadits ini menunjukkan bahawa adanya rukhsah atau kebenaran kepada Nabi s.a.w. untuk tidak bersembahyang tahajjud semasa dalam perjalanan. (8) Mencari air untuk mengangkat hadats tidak wajib sebelum masuk waktu sembahyang. Ini berlandaskan riwayat `Amar bin al-Harits di mana disebutkan di dalamnya lafaz *وحضرت الصلاة فالتمس الماء* bermaksud: Setelah masuk waktu sembahyang, dicarilah air ... (9) Daripada hadits ini dapat kita ketahui bahawa wudhu' untuk bersembahyang telah pun diwajibkan melalui sunnah sebelum turun ayat wudhu' lagi. Kerana itulah para sahabat bergelisah dan mengadu kepada Abu Bakar tentang `Aaisyah r.a. yang telah menyebabkan mereka tertahan di tempat yang tidak ada air. (10) Hadits ini dengan ayat keenam al-Maa'idah di atasnya merupakan dalil bagi kewajipan niat ketika mula bertayammum untuk sahnya tayammum seseorang. Kerana erti tayammum dari segi bahasa ialah menuju, memaksudkan, menghendaki, memilih dan sebagainya yang mana kesemuanya mengandungi ma'na niat dan kehendak. Selain dari itu tanah secara zahirnya bukanlah sesuatu yang menyucikan, malah dengan melumurnya muka anda akan menjadi semakin comot. Maka wajar sekali jika niat menjadi syarat untuk sahnya tayammum itu sebagai pernyataan keta'atan dan kepatuhan kepada perintah ilahi. Boleh dikatakan kesemua 'ulama' mensyaratkan niat dalam bertayammum kecuali seorang dua saja dari kalangan mereka, seperti al-Auza'i dan Zufar. (11) Orang yang berjunub tiada bezanya dengan orang yang berhadats kecil atau bermusafir atau sakit dari segi perlu bertayammum apabila tidak mendapati air atau tidak boleh menggunakan air. Inilah pendapat kebanyakan 'ulama' kecuali khalifah `Umar bin al-Khatthaab dan Ibnu Mas'ud r.a.. Kerana mereka berdua berpendapat orang yang berjunub tidak boleh bersembahyang dengan bertayammum. Janabah bagi mereka, hanya terangkat dengan mandi

٣٢٣ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سِنَانٍ هُوَ الْعَوْقِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ قَالَ ح وَحَدَّثَنِي سَعِيدُ بْنُ النَّضْرِ قَالَ أَخْبَرَنَا هُشَيْمٌ قَالَ أَخْبَرَنَا سَيَّارٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ هُوَ ابْنُ صُهَيْبٍ الْفَقِيرُ قَالَ أَخْبَرَنَا جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أُعْطِيتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ قَبْلِي نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهْرًا فَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَهُ الصَّلَاةُ فَلْيَصِلْ وَأُحِلَّتْ لِي الْغَنَائِمُ وَلَمْ تَحِلَّ لِأَحَدٍ قَبْلِي وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ وَكَانَ النَّبِيُّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً وَبُعِثْتُ إِلَى النَّاسِ عَامَّةً

323 - Muhammad bin Sinan, iaitu al-`Awaqi meriwayatkan kepada kami, katanya: Husyaim meriwayatkan kepada kami, katanya: ح dan Sa'id bin an-Nadhri meriwayatkan kepadaku, katanya: Husyaim meriwayatkan kepada kami, katanya: Sayyaar meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid, iaitu anak Suhaib al-Faqir

semata-mata. (12) Di dalam hadits ini juga terdapat dalil tentang keharusan bertayammum sewaktu dalam perjalanan atau bermusafir. Perkara ini merupakan sesuatu yang telah diijma'kan oleh para 'ulama'. Mereka Cuma berbeza pendapat tentang keharusan bertayammum untuk orang yang tidak bermusafir. (13) Keharusan membawa wanita dalam perjalanan untuk perang atau selainnya. (14) Seseorang yang mempunyai beberapa orang isteri boleh membawa salah seorang isterinya untuk ikut serta dalam mana-mana perjalanan, setelah diadakan cabutan undi di antara mereka. (14) Harta adalah sesuatu yang mulia dan terhormat pada pandangan Islam. Kerana itu ia tidak harus disia-siakan atau dibazirkan. Justeru Rasulullah s.a.w. telah berhenti bersama-sama para sahabatnya di suatu tempat yang tidak ada air dalam keadaan mereka pula tidak mempunyai bekalan air, semata-mata untuk mencari seutas kalung isterinya yang hilang. (15) Seseorang boleh menjaga hartanya walaupun ia akan membawa kepada ketiadaan air dalam waktu sesuatu sembahyang fardhu. (16) Keharusan meminjam dan membawa barang yang dipinjam dalam perjalanan yang jauh jika tuannya mengizinkan. (17) Seseorang isteri boleh memiliki apa-apa perhiasan dan memakainya sama ada untuk menyenangkan hati sendiri atau hati suaminya walaupun dalam perjalanan. (18) Suami isteri boleh meletakkan kepala di atas paha pasangannya sama ada untuk rehat atau selainnya. (19) Seseorang harus menanggung kesusahan dan keperitan demi kesenangan dan keselesaan orang lain. Itulah yang dilakukan oleh 'Aaisyah r.a. untuk Nabi s.a.w. Kata beliau: "Yang menghalangku daripada bergerak tidak lain hanyalah kedudukan (kepala) Rasulullah s.a.w. di atas pahaku." (20) Hadits ini membuktikan kelebihan dan keutamaan 'Aaisyah r.a. di samping membuktikan betapa banyaknya keberkatan yang berpunca daripada beliau untuk umat Islam.

Mengikut kebanyakan 'ulama' termasuk Imam Bukhari r.a. sendiri, kisah yang tersebut di dalam hadits 'Aaisyah r.a. di atas telah berlaku dalam perjalanan pulang dari Ghazwah Bani al-Mushthaliq atau Ghazwah Muraisii'. Kisah ini jelas amat berbeza dengan kisah yang tersebut di dalam Hadits al-Ifk (peristiwa di mana berlakunya fitnah besar atau tuduhan yang dahsyat terhadap 'Aaisyah r.a.) yang juga dikatakan telah berlaku dalam ghazwah yang sama. Kedua-duanya tidak mungkin dapat dikompromikan atau disatukan. Sama ada kisah kalung 'Aaisyah r.a. terputus dan hilang itu diterima telah berlaku dalam dua peristiwa ghazwah yang berlainan atau ia telah berlaku dua kali dalam perjalanan ghazwah yang sama atau salah satu darinya harus diterima sebagai yang betul, sementara yang satu lagi mesti dianggap salah! Menurut kajian penulis apa yang tersebut di dalam hadits di atas adalah versi yang betul bagi kisah kalung 'Aaisyah r.a. terputus dan hilang. Yang lain-lain semuanya dha'if kerana bercanggah dengan banyak usul dirayatul hadits, walaupun ia tersebut di dalam sahih Bukhari r.a. dan Sahih Muslim. Golongan yang mengatakan kalung 'Aaisyah r.a. terputus dan hilang dua kali dalam perjalanan yang berlainan, memang nampak perbezaan yang ketara di antara keduanya. Kerana itu mereka mengemukakan satu riwayat yang diharap dapat menyelesaikan kontradiksi itu. Tetapi malang sekali, riwayat itu tidak sahih lantaran di dalam isnadnya terdapat beberapa mata rantai perawi yang dianggap pendusta. Bagaimanapun di kesempatan ini saya tidak bermaksud membincangkan secara terperinci isu ini. In sya' Allah ia akan dibincangkan nanti di bawah bab Hadits al-Ifk.

meriwayatkan kepada kami daripada Jabir bin Abdillah bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Dikurniakan kepadaku lima perkara yang tidak pernah dikurniakan kepada sesiapa pun sebelumku.³⁰⁶ (Pertama) Aku diberi pertolongan dengan kegerunan musuh terhadapku pada jarak kejauhan sebulan perjalanan.³⁰⁷ (Kedua) Bumi ini telah dijadikan untukku sebagai masjid (tempat bersembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci.³⁰⁸ Oleh itu sesiapa sahaja dari kalangan umatku, hendaklah bersembahyang apabila telah masuk waktunya (biar di mana sekalipun dia berada). (Ketiga) Dihalalkan untukku (dan umatku) harta ghanimah (rampasan perang) padahal ia tidak halal untuk sesiapa pun sebelumku.³⁰⁹ (Keempat) Diberikan kepadaku syafa`at (kuasa untuk menolong orang lain pada hari qiamat nanti) dan (kelima ialah) nabi-nabi

³⁰⁶ Maksud beliau s.a.w. di sini ialah secara terkumpul dan kesemua sekali kelima-lima yang tersebut itu. Keistimewaan yang diberikan khusus untuk nabi kita Muhammad s.a.w. tidak hanya lima perkara yang tersebut di dalam hadits ini sahaja, malah hadits-hadits sahih yang lain menyabitkan bahawa Baginda s.a.w. telah diberikan banyak sekali keistimewaan yang tidak diberikan kepada nabi-nabi sebelumnya. Perbezaan dan kelainan keistimewaan yang tersebut di dalam hadits-hadits Nabi s.a.w. itu disebabkan oleh perbezaan keperluan atau latar belakang di mana sesuatu hadits itu disabdakan. Abu Sa`id an-Naisaburi di dalam kitabnya “Syaraful Mushtafa” telah menyebutkan sampai enam puluh keistimewaan yang diberikan khusus untuk nabi kita Muhammad s.a.w. dan tidak diberikan walaupun kepada nabi-nabi sebelumnya.

³⁰⁷ Padahal Nabi s.a.w. tidak mempunyai senjata-senjata canggih atau peralatan perang yang melebihi pihak musuhnya. Bilangan tentera di pihak beliau s.a.w. juga jauh lebih sedikit berbanding dengan di pihak musuh. Kegerunan pihak musuh terhadap Rasulullah s.a.w. itu luar biasa, kerana ia pada jarak yang amat jauh iaitu sejauh sebulan perjalanan. Apa yang dimaksudkan oleh nabi s.a.w. ialah kedudukan pihak musuh pada ketika itu adalah sejauh sebulan perjalanan. Jika mereka berada lebih jauh lagi dari itu, tetap juga ada rasa gerun di dalam diri mereka kepada Baginda s.a.w. Ia sama sekali tidak bererti musuh yang berada lebih jauh dari jarak sebulan perjalanan tidak berasa takut dan gerun kepadanya.

³⁰⁸ Di sinilah letaknya kesesuaian dan perkaitan hadits ini dengan tajuk bab yang dikemukakan oleh Bukhari r.a. di atas. Di dalam ayat yang dibentangkan oleh Bukhari r.a. di dalam tajuk bab di atas ada perkataan *صَيِّدًا طَيِّبًا*. Allah memerintahkan kita agar mencarinya dan bertayammum dengannya apabila

kita ketiadaan air. Tetapi soalnya apakah yang dimaksud dengan *صَيِّدًا طَيِّبًا* itu? Dengan mengemukakan hadits ini Imam Bukhari r.a. sebenarnya mahu menjawab soalan ini. Berdasarkan hadits di atas jawabannya ialah bumi atau muka bumi yang bersih. Sama ada ia berdebu atau tidak. Mana-mana bahagian bumi atau muka bumi yang sah kita mengerjakan shalat di atasnya, sah juga kita bertayammum dengannya. Tidak kira sama ada ia merupakan tanah, batu, rumput, pokok, air salji, batu kapur, batu celak, pasir dan lain-lain. Asalkan ia bersih dan suci. Kerana Nabi s.a.w. telah bersabda: “Bumi ini telah dijadikan untukku (dan umatku) sebagai masjid (tempat bersembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci.” Beliau s.a.w. menyebutkan bumi tanpa mengaitkannya dengan yang berdebu atau yang boleh menumbuhkan apa-apa tanaman dan sebagainya. Hadits ini di samping hadits-hadits lain yang seumpama ini bagi Bukhari r.a. dan lain-lain tokoh yang sependapat dengannya, merupakan sebaik-baik pentafsir kepada *صَيِّدًا طَيِّبًا* yang tersebut di dalam kedua-dua ayat tayammum. Antara tokoh yang sependapat dengan beliau dalam mas`alah ini ialah Malik, Abu Hanifah, Muhammad bin Hasan asy-Syaibani, `Atha`, Al-Auzaa`i, ats-Tsauri dan lain-lain. Imam Syafi`e, Ahmad, Daud zahiri, Abu Yusuf dan lain-lain pula berpendapat ia bererti tanah bersih yang berdebu dan boleh menumbuhkan tanaman sahaja.

³⁰⁹ Berdasarkan hadits-hadits yang sahih ghanimah (harta rampasan perang) tidak halal kepada umat-umat yang lalu. Apa yang dilakukan oleh mereka apabila mendapat ghanimah ialah mengumpulkannya di tanah lapang. Jika ia diterima Allah, akan datangnya api dari langit memakannya. Tetapi jika api dari langit tidak datang memakannya, maka itu adalah tanda ia tidak diterima Allah.

sebelumku diutuskan kepada kaum masing-masing sahaja, sedangkan aku diutuskan kepada manusia sekaliannya.”

١- باب إِذَا لَمْ يَجِدْ مَاءً وَلَا تُرَابًا

1- Bab: Jika Seseorang Tidak Mendapati Air Dan Tidak Juga Mendapati Tanah.³¹⁰

³¹⁰ Bab ini diadakan Bukhari r.a. untuk mengemukakan pendapat atau mazhabnya berhubung dengan satu masalah yang dikenali di kalangan fuqaha' dan muhadditsin dengan *مسئلة فاقد الطهورين* iaitu mas'alah orang yang tidak mempunyai air dan tanah (dua bahan yang diperintah syara' supaya digunakan untuk bersuci daripada hadats), atau kerana sesuatu sebab dia tidak dapat menggunakan kedua-duanya untuk bersuci. Keadaan ini mungkin berlaku apabila seseorang misalnya dikurung atau terperangkap di suatu tempat kotor yang langsung tidak ada air. Masalah ini juga mungkin berlaku dalam keadaan seseorang dikurung atau terperangkap di dalam suatu ruang daripada cermin dan sebagainya di dalam air. Air di sekelilingnya memang ada, tetapi dia tidak dapat mengambilnya. Tindakan menebuk dinding cermin dan sebagainya untuk mengambil air akan mendedahkan dirinya kepada kematian. Para 'ulama' berbeza pendapat tentang hukum sembahyang *فاقد الطهورين* ini. Imam Bukhari r.a. dan gurunya Imam Ahmad r.a. berpendapat orang seperti ini tetap wajib menunaikan sembahyang (fardhu) pada waktunya, tetapi tidak perlu mengqadha' lagi sembahyang yang telah dikerjakannya selepas itu. Antara tokoh lain yang sependapat dengan Bukhari r.a. dalam masalah ini ialah Sahnun, Asyhab, al-Muzani. Abu Tsaur, Malik dan Ahmad dalam salah satu pendapat mereka dan Imam Syafi'e r.a. dalam salah satu qaul qadimnya. Imam Nawawi mengatakan “Inilah pendapat yang paling kuat dalilnya. Ia disokong oleh hadits 'Aaisyah r.a. di atas.” Selain hadits di atas mereka juga berpegang dengan firman Allah: *فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ*. Bermaksud: Maka bertaqwalah kamu kepada Allah

sedaya supaya kamu ... (at-Taghaabun:16) dan hadits Nabi s.a.w. *إِذَا أَمَرْتُمْ بِأَمْرٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ*. Bermaksud: Apabila aku menyuruh kamu melakukan sesuatu maka lakukanlah apa yang disuruh itu sedaya supaya kamu. (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim). Pendapat Abu Hanifah adalah sebaliknya iaitu dia tidak perlu menunaikan sembahyang dalam keadaan demikian. Apa yang perlu dilakukannya ialah mengqadha'kan sembahyang berkenaan di kemudian hari setelah mendapati air atau tanah yang bersih. Antara tokoh yang sependapat dengan beliau dalam masalah ini ats-Tsauri, Al-Auzaa'i dan asy-Syafi'e dalam salah satu qaul qadimnya. Mereka berpegang dengan hadits: *لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةً بغير طهور*. Bermaksud:

Allah tidak menerima sembahyang tanpa bersuci (terlebih dahulu). (Hadits riwayat Muslim, Nasa'i, Ibnu Majah, Abu Daud, tarmizi dan lain-lain). Abu Yusuf dan Muhammad (dua orang murid utama Abu Hanifah) berpendapat orang seperti ini mestilah menyerupai orang yang bersembahyang di dalam waktu sesuatu sembahyang fardhu. Dia tidak boleh betul-betul bersembahyang. Di kemudian harinya dia mestilah mengqadha' sembahyang yang telah terlepas itu. Imam Syafi'e mempunyai empat pendapat dalam masalah ini. Tetapi yang rajih daripadanya ialah *فاقد الطهورين* wajib menunaikan sembahyang pada waktunya dan wajib juga mengqadha'nya di kemudian hari. Malik dan Ahmad juga berpendapat begini dalam salah satu pendapat mereka. Imam Malik juga mempunyai beberapa pendapat dalam masalah ini. Tetapi yang sahih sebagai mazhabnya ialah orang seperti ini selain tidak perlu menunaikan sembahyang pada waktunya, dia juga tidak perlu mengqadha'nya. Imam Malik mengqiasakan orang seperti ini dengan perempuan yang berhaidh. Inilah juga pendapat sesetengah golongan Zahiriyah dan salah satu pendapat Abu Tsaur. Syah waliyyullah di dalam Tarajim Abwabnya menulis: *فاقد الطهورين* hendaklah menunaikan sembahyang pada waktunya tanpa berwudhu'

dan bertayammum. Dia tidak perlu mengulangi sembahyang yang telah dikerjakannya itu atau mengqadha'nya kemudian hari. Inilah mazhab Bukhari r.a.. Alasan beliau ialah zahir hadits di atas.” Sahabat-sahabat yang pergi mencari kalung 'Aaisyah r.a. telah menunaikan sembahyang setelah masuk waktunya tanpa berwudhu' dan bertayammum. Mereka tidak berwudhu' kerana ketiadaan air. Mereka juga tidak bertayammum kerana hukum tayammum belum lagi diketahui pada ketika itu. Dalam